

**Penunjuk Pelancongan Lestari di Cameron Highland daripada  
Kaca Mata Komuniti Tempatan dan Pelancong**

Zairin Akma Binti Zolkapli (P80509)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

**Pernyataan Masalah:** Dalam kepesatan arus pembangunan dan anjakan ekonomi, sektor pelancongan merupakan salah satu medium yang banyak menyumbang kepada pertumbuhan dan membawa pulangan yang besar kepada ekonomi negara. Pelbagai jenis produk pelancongan ditawarkan kepada pelancong bagi memenuhi tuntutan mereka. Perkembangan trend semasa ini telah mendorong pihak pengurusan sesuatu destinasi menambah nilai dan menaik taraf produk dan perkhidmatan pelancongan sehingga ada yang sanggup mengetepikan nilai kelestarian yang perlu diamalkan dalam pelancongan lestari. Kepincangan terhadap nilai kelestarian mengundang kepada berlakunya bencana yang semakin hari semakin berleluasa di Cameron Highland. Oleh itu, kajian ini menggunakan penunjuk pelancongan lestari untuk mengukur kriteria kelestarian berdasarkan pandangan pelancong dan komuniti tempatan. **Objektif:** Menilai kelestarian sektor pelancongan di Cameron Highland. **Metodologi:** Kajian ini merupakan sebuah kajian rintis yang menggunakan data primer iaitu penggunaan borang soal selidik. Kaedah kajian bertujuan mendapatkan maklumat terus daripada responden secara bersemuka. Sebanyak 60 set borang soal selidik telah diedarkan kepada 30 orang pelancong dan 30 orang komuniti tempatan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan aktiviti pelancongan di Cameron Highland. Data dianalisis menggunakan kaedah diskriptif dan Man Whitney U. **Hasil:** Kajian menunjukkan kelestarian pelancongan di Cameron Highland masih berada di tahap terkawal dan data menunjukkan keseimbangan pendapat di kalangan pelancong dan komuniti tempatan. **Kesimpulan:** Hasil kajian belum menampakkan kriteria sebenar yang ingin diukur kerana data hanya menggunakan sampel yang sedikit. Namun begitu secara kasarnya dapat dinyatakan bahawa tahap kelestarian pelancongan di Cameron Highland berada di tahap memuaskan tapi masih ada lagi jurang yang perlu diperbaiki dan diambil kira oleh pihak pentadbiran di Cameron Highland.